

09 JUN 1999

Syed Hamid-China

MALAYSIA-CHINA PERKUKUH JALINAN KERJASAMA DUA HALA

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Hubungan dua hala Malaysia-China dalam pelbagai bidang ke arah memasuki abad ke-21 diperkukuhkan dengan termetrainya pernyataan bersama mengenai rangka kerjasama yang menyeluruh antara kedua-dua negara minggu lepas.

Menteri Luar, Syed Hamid Albar, yang menandatangani rangka kerjasama itu dalam lawatannya ke China selama lima hari mulai 30 Mei, berkata rangka kerjasama terperinci itu merangkumi bidang ekonomi, perdagangan, sosial, sains dan teknologi, penerangan, pertahanan dan keselamatan di rantau ini.

Menteri Luar China Tang Jiaxuan menandatangani pernyataan bersama itu bagi pihak negaranya.

"Ia menjadi rangka kerjasama yang amat mustahak bagi kita dalam hubungan dengan China ke arah memasuki abad ke-21," kata Syed Hamid pada persidangan berita mengenai hasil lawatannya itu di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau berkata kedua-dua negara mengulangi pendirian untuk menyelesaikan sebarang masalah atau pertikaian yang timbul dalam hubungan dua hala melalui meja rundingan dan bukan cara kekerasan. Ini termasuk dalam isu tuntutan bertindih ke atas Kepulauan Spratly di Laut China Selatan.

Katanya, China dan Malaysia juga bersetuju bahawa sebarang masalah yang timbul di rantau ini harus diselesaikan sendiri antara negara-negara terlibat dan tidak menggunakan pihak ketiga.

Syed Hamid berkata dalam usaha meningkatkan lagi hubungan dua hala, lebih banyak pegawai dan pemimpin tertinggi Malaysia akan mengadakan lawatan ke China selaras dengan pandangan Malaysia bahawa China mempunyai peranan yang penting bagi menentukan masa depan rantau ini.

Katanya, pada perjumpaan beliau dengan para pemimpin China beberapa perkara dibangkitkan termasuklah projek pelaburan China bernilai RM1.5 bilion dalam industri kertas dan palpa di Sabah dan hasrat Bank of China untuk membuka cawangan di negara ini.

"Kita tidak mempunyai masalah dalam hal pelaburan China di Sabah," kata beliau sambil menambah bahawa Malaysia juga telah meminda undang-undangnya bagi membolehkan bank yang dimiliki kerajaan asing membuka cawangan di sini tetapi ia mestilah atas dasar timbal balas.

Mengenai hasrat Malaysia membuka beberapa lagi pejabat konsul di China bagi memudahkan pengeluaran visa untuk rakyat negara itu datang ke Malaysia, beliau berkata China menyambut baik hasrat itu tetapi perkara itu masih perlu dibincangkan lebih lanjut.

Sempena lawatannya, Syed Hamid juga melancarkan buku "Ucapan-ucapan Pilihan Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia" dalam Bahasa Mandarin di Universiti Pengajian Luar China di Beijing, yang antara lain mengandungi pendapat Dr Mahathir mengenai kebangkitan rantau Asia, nilai-nilai Asia dan cabaran negara-negara membangun.

Syed Hamid turut melawat Korea Selatan selama tiga hari berakhir pada 5 Jun dan selepas itu ke Jepun selama empat hari.

"Lawatan ini adalah dalam semangat Asean campur tiga (iaitu China, Korea Selatan dan Jepun) yang menepati intipati cita-cita kita untuk menubuhkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang kita rasa kini menghampiri kenyataan," katanya.

Semasa di Korea Selatan beliau berjumpa dengan rakan sejawatannya dan Presiden negara itu di samping mengadakan perjumpaan dengan para pelajar

Malaysia di sana.

Semasa di Jepun, beliau juga berjumpa dengan rakan sejawatannya di Jepun dan mengadakan perbincangan dengan para pelajar Malaysia di negara itu.

-- BERNAMA

MNY NMO